



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	: 5
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Penduduk bimbang gelombang kedua

Kota Bharu: Penduduk di Kampung Tjong di sini, bimbang sekiranya kawasan mereka dilanda banjir gelombang kedua yang dijangka 25 Disember ini.

La disebabkan kawasan yang didiami 40 penduduk daripada sembilan rumah itu kerap dilanda banjir terutama, ketika hujan lebat.

Penduduk, Raktiah Salleh, 56, berkata, sejak tinggal di situ 23 tahun lalu, rumahnya dinaiki air lebih daripada 20 kali.

Katanya, hampir setiap tahun rumahnya dilanda banjir dan paling buruk pada 2014 apabila ditenggelami air mencecah tiga meter menyebabkan semua perabot dan barangan berharga musnah.

"Awal bulan lalu rumah saya dinaiki air separas 0.5 meter menyebabkan kami anak beranak berpindah ke pusat pemindahan sementara."



SALMA merenung halaman rumahnya yang kerap dilanda banjir setiap kali musim tengkujuh.



RAKTIAH menyusun barang ke tempat tinggi bagi menghadapi banjir akhir bulan ini.

tara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Tjong selama tiga hari.

"Air naik mendadak, tetapi kami sempat mengangkut semua perabot dan peralatan elektrik ke tempat tinggi," katanya, semalam.

Suri rumah, Salma Harun, 44, berkata, setiap tahun rumahnya dinaiki air kerana kampung itu berada di lokasi rendah.

"Setiap kali hujan lebat, rumah saya dinaiki air sehingga perlu berpindah kerana lokasi itu terkecung."

"Air naik di halaman lebih dua meter, jadi kami tidak dapat keluar tanpa bantuan pihak keselamatan kerana paras air sangat dalam," katanya.

Menurutnya, dia sekeluarga menghadapi kesukaran kerana suaminya, Nik Hassan Nik Soh, 67, menghidap penyakit kencing manis kronik dan kaki kanan dipotong pada Oktober lalu.